- Lage, M. J., Platt, G. J., Treglia, M., dan Lage, J. (2000). Inverting the Classroom: A Gateway to Creating an Inclusive Learning Environment, *31*(1), 30-43.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). (2013). Kupasan Mutu Jawapan Calon SPM 2012 Bagi Matematik Tambahan Kertas 1.
- Levine, M. 1988. *Effective Problem Solving*. New Jersey: Prentice Hall.
- Lim Hooi Lian & Noraini Idris. 2006. Assessing Algebraic Solving Ability of Form Four Students. *International Electronic Journal of Mathematics Education* 1(1): 56-76.
- Lingguo. B.Haciomeroglu E.S. (2010). GeoGebra in mathematics teacher education: the case of quadratic relations. *MSOR Connections Vol 10, No 1*. Febuary 2010-April 2010: 6-9.
- Martin, F. G. (2012). Will massive open online courses change how we teach?. *205 Communications of the ACM*, 55(8), 26-28. doi: 10.1145/2240236.2240246
- Mayer, R. E., & Moreno, R. (1998). A split-attention effect in multimedia learning: Evidence for dual processing systems in working memory. *Journal of Educational Psychology*, 90, 312-320.
- NCREL. (2004). Improving Student Achievement and Teacher Effectiveness Through Scientifically Based Practices. *Viewpoints*. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED518744.pdf>.
- Nor'ain Mohd. Tajudin (2015) Mathematical Knowledge and Higher Order Thinking Skills for Teaching Algebraic Problem Solving. *Proceedings of SOCIOINT15- 2nd International Conference on Education, Social Sciences and Humanities*, 8-10 June 2015- Istanbul, Turkey, ms. 26-35, ISBN: 978-605-64453-3-0.
- Pallant, J. (2011). *SPSS survival manual: a step by step guide to data analysis using SPSS*. Sydney: Ligare Book Printer.
- Pimta, S., Tayruakham, S., & Nuangchale, P. (2009). Factors influencing mathematic problem-solving ability of sixth grade students. *Journal of Social Sciences*, 5(4), 381-385. <https://doi.org/10.3844/jssp.2009.381.385>.
- Polya, G. (1980). *On Solving Mathematical Problems in High School*. In S. Krulik ed. *Problem Solving in School Mathematics*. Reston, Virginia: NCTM. 1 - 2.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2004). *Pembelajaran secara Konstruktivisme*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2011). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Schoenfeld, A. H. 1985. *Mathematical Problem Solving*. Orlando, Florida: Academic Press. Inc.
- Siegle, D. (2013). *Differentiating Instruction by Flipping the Classroom*, 37(1), 51-56. doi:10.1177/1076217513497579.
- Smith, D.F. (2014). *How flipped classrooms are growing and changing*. dari EdTech1 website <http://www.edtechmagazine.com/k12/article/2014/06/how-flipped-classrooms-are-growing-and-changing>.
- Suhaila Md Said & Fatimah Saleh. 2011. Kompetensi Pelajar Tingkatan Empat Dalam Menyelesaikan Masalah Matematik Bukan Rutin. *Jurnal Pendidikan Matematika*. Universiti Sains Malaysia. DP. Jilid 11, Bil. 2.
- Syed Abdul Hakim Syed Zainuddin & Mohini Mohamed. (2010). Keupayaan dan sikap dalam menyelesaikan masalah Matematik bukan rutin. *Jurnal Teknologi (Sains Sosial)*, 53, 47-62.
- TIMSS (2007). *International mathematics report: Findings from IEA'S repeat of the third international mathematics and science study at the eight grade*. Boston: International Study Centre, Lynch School of Education.
- TIMSS (2011). *International mathematics report: Findings from IEA'S repeat of the third international mathematics and science study at the eight grade*. Boston: International Study Centre, Lynch School of Education.
- Zarimah Zainal & Nor'ain Mohd Tajudin (2011). Proses metakognisi dalam penyelesaian masalah matematik bukan rutin. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik*. 1(1), 10- 26

## PEMUPUKAN AMALAN PENDIDIKAN ANTI-BIAS (APAB) DALAM PENDIDIKAN PRASEKOLAH DI LUAR BANDAR

\*Abdullah Kadir

Mariani Md Nor

Fonny Dameaty Hutagalung

Jabatan Psikologi Pendidikan Dan Kaunseling

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

\*syabdullah8071@gmail.com

**Abstract:** This study aims to explore the preschool teacher knowledge and understanding about the practice of Education Anti-Bias in the Curriculum Standards of the National Preschool. In addition, the study explores approaches to teaching preschool teachers in cultivating practice of Education Anti-Bias. This qualitative study in case studies. Data collection using observation protocol, interviews protocol and analysis of the content of the document. Study of preschool teachers. Data analysed on the basis of the recommendations of the Miles and Huberman (1994). The validity and reliability of method validation study, triangulation and Consensus Scale Kappa Cohen Index. The findings show that there are four aspects of teaching and cultivation of anti-bias education practices identified. First, teachers teaching cultivation Practice Anti-Bias Education based on the National Standards Curriculum Preschool. Second, teachers agree the importance of knowing the definition, concept and implementation of Anti-Bias Education Practices. Third, the practice of fostering community interest tendency of students explore Anti-Bias Education Practices. Fourth, the practice of teachers affect the acceptance of students against Anti-Bias Education. A study of the view, teaching and cultivation of Anti-Bias Education Practices in line with the national preschool curriculum Standards. Anti-Bias Education practices easily understood pupils because it involved culture, religious values and ethnic environment

**Keywords:** *Anti-Bias Education, preschool, Rural*

### PENGENALAN

Masyarakat Malaysia merupakan masyarakat majmuk yang dididik dengan Amalan Pendidikan Anti-Bias (APAB). Amalan pemupukan ini, membolehkan masyarakat berkongsi minat dan pengetahuan tentang budaya, etnik serta amalan mulia agama. Secara umum, APAB memberi hak dan penghormatan untuk masyarakat dilayan secara adil tanpa wujud jurang perbezaan. Di barat, elemen APAB dimasukkan dalam sistem pendidikan sebagai pengajaran hak asasi. Manakala di Malaysia pula dilaksanakan merentas kurikulum dan suatu keperluan kepada polisi serta program pendidikan (KPM, 2010, 2012). Pelaksanaan APAB di peringkat sekolah berfungsi sebagai sumber pemupukan, proses pencegahan awal dan menggalakkan perkongsian amalan di pelbagai lapisan masyarakat. Isu-isu perpaduan dan jurang perbezaan etnik dapat diselesaikan melalui APAB.

Kajian ini dilihat penting kepada institusi pendidikan, para pendidik, pengurus sekolah, komuniti masyarakat serta ibu bapa kerana mengutamakan kepentingan persamaan hak dan nilai-nilai murni dalam amalan pendidikan (Rohaida, 2011). Kajian ini diharapkan dapat membantu dalam penghasilan bahan pengajaran, latihan perguruan dan latihan pembangunan profesionalisme guru (Saedah & Mohd Sani, 2012). Seterusnya mengubah perspektif negatif di kalangan guru, ibu bapa, masyarakat dan murid terhadap peranan sekolah sebagai tempat penyatuan masyarakat majmuk.

### SOROTAN KAJIAN

Dalam konteks pendidikan, APAB memberi pengertian yang luas. Menurut Derman-Sparks & Edward, (2010), pengajaran berteraskan APAB mengutamakan persamaan hak kemanusiaan dalam bilik darjah. Segala bentuk perbezaan yang menafikan hak murid daripada segi amalan tradisi budaya, bangsa, pertuturan dan anutan agama adalah tidak dibenarkan. Justeru, semua murid dipupuk dengan sifat persamaan hak tanpa adanya jurang perbezaan, dilayan secara adil dan dihormati maruah dirinya (Derman-Sparks & Edward, 2010; Lin, Lake, & Rice, 2008).

Kajian Freire (2000), menjelaskan APAB menekankan konsep "amalan kebebasan". Dalam aspek ini, guru berfungsi sebagai pendidik yang bertanggungjawab mendedahkan murid dengan amalan kebebasan. Bebas untuk mengamalkan

sosialisasi yang sopan dengan penuh tatasusila tanpa sebarang sekatan. Hakikatnya amalan kebebasan ini membantu murid untuk meningkatkan kemahiran kognitif dalam mengurus persekitaran mereka dengan pemikiran yang kritis dan kreatif. Justeru, dalam aspek perkembangan emosi murid juga berupaya membentuk identiti diri untuk berkomunikasi dengan rakan sebaya yang berlainan etnik, agama dan budaya (Derman-Sparks & Edward, 2010; van Keulen, 2004). Mereka dilatih untuk lebih prihatin dan berkeyakinan untuk menghadapi ketidakadilan serta perubahan semasa.

Manakala cendekiawan Islam, Al-Ghazali (2010) menyatakan guru berperanan penting dan bertanggungjawab menyampaikan pengajaran secara adil bersesuaian dengan perkembangan murid. Keadilan di sini juga, berkaitan dengan amalan perilaku guru yang tidak melampau atau berlebih-lebihan dalam proses mengasuh murid. Mereka di amanah untuk meletakkan amalan keadilan di tempat yang betul dan tidak memudaratkan murid. Dengan kata lain, guru ditegah untuk mengasuh dan mendidik murid yang bertentangan dengan perkembangan kognitif serta kemahiran sosio emosi (Abdullah Nasih, 2008). Setiap individu murid adalah berbeza tahap kecerdasan dan pendekatan pengajaran ke atas mereka (Al-Ghazali, 2010; Al-Qadrawi, 2003). Implikasinya, pendidik yang berkesan dan sempurna adalah guru yang dapat menyampaikan ilmu pengetahuan sesuai dengan tahap kematangan murid.

### *Amalan Pendidikan Anti-Bias di Malaysia*

Di Malaysia kini, APAB dianggap penting untuk diterapkan dalam sistem pendidikan. Ini kerana masyarakatnya terdiri daripada masyarakat majmuk yang pelbagai budaya, etnik dan agama. Semua elemen ini, menjadi asas dalam pembentukan sistem pendidikan dan negara bangsa (Mariani et.al, 2012; KPM, 2010). Oleh yang demikian, pendekatan pedagogi pelbagai budaya, pendekatan belajar melalui bermain dan pendekatan bahasa dilihat berupaya menyampaikan APAB.

Pedagogi Pelbagai Budaya merupakan pengajaran yang memupuk amalan budaya di persekitaran sebagai sumber utama (Banks, 2002). Pengetahuan pedagogi ini, memberi pelbagai pendekatan pengajaran melibatkan integrasi pengetahuan, kemahiran asas serta memupuk perkongsian amalan nilai murni. Pelaksanaan di bilik darjah, membentuk amalan asuhan yang positif tanpa menghapuskan identiti warisan budaya murid (Banks & Banks, 2010). Di samping itu, memudahkan guru merancang, memupuk amalan nilai murni budaya dan membangunkan kuasa berfikir murid secara kreatif dan kritis (Siti Zuraida, 2014).

Pendekatan belajar melalui bermain menjadi keutamaan dalam menyatukan murid prasekolah yang pelbagai latar belakang. Menurut Mariani, (2006, 2012) dan Sharifah Nor & Aliza, (2012) menyatakan bermain menggalakkan murid membina hubungan dengan rakan, menyelesaikan masalah bersama-sama dan menghormati adat istiadat murid pelbagai ras. Pengamalan di kalangan murid, meningkatkan nilai saksama ke tahap yang optimum. Pendekatan bermain melatih murid prasekolah membuat keputusan, membina interaksi, berkongsi pengetahuan dan mengawal emosi (Brock et. al, 2009; Broedhead, 2004; Riley, 2003; Drake, 2001; Morrison, 2006). Pelaksanaannya dalam bilik darjah, dilihat berupaya menyemai minat murid menerokai amalan persamaan dan perbezaan bentuk fizikal, sambutan perayaan, adat istiadat dan nilai murni agama.

Bahasa merupakan perkara asas utama dalam KSPK. Penekanan kepada bahasa yang bertatasusila serta hormat memberi kesan positif kepada murid prasekolah. Murid prasekolah mudah memahami arahan melalui penggunaan bahasa yang mudah dan bermakna. Mereka mudah menyerap ucapan dan tingkah laku di persekitaran. Ini kerana murid mewarisi lambang etnik dan budaya yang diamalkan di sekolah. Perkara ini dapat dilihat melalui penggunaan nama murid, warna kulit, fizikal murid, bahasa pertuturan dan tingkah laku dalam bilik darjah (Najeemah, 2010; Giugni, 2008). Oleh itu guru prasekolah, perlu menguasai bahasa sebagai alat perhubungan bagi menghapuskan segala bentuk amalan pengajaran yang tidak bersesuaian dengan profesional keguruan. Hakikatnya, guru perlu lebih kreatif dalam mencipta sesuatu peraturan yang boleh diguna pakai oleh semua murid pelbagai etnik dan budaya.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Terdapat beberapa faktor yang boleh dikemukakan sebagai cabaran dalam pengajaran yang berteraskan kepada Amalan Pendidikan Anti-Bias. Pertama, pengetahuan pedagogi guru dalam pengajaran. Kedua, pendekatan pengajaran guru prasekolah dalam memupuk amalan pendidikan anti-bias.

Pengetahuan dan kefahaman KSPK penting dalam melaksanakan APAB di bilik darjah. Kajian Saedah & Mohammed Sani, (2012) menyatakan masyarakat secara umumnya lebih yakin terhadap guru yang mempunyai pengetahuan pedagogi dalam pengajaran. Isu latar belakang dan pengalaman guru yang terhad menyebabkan penyampaian mereka di dalam bilik darjah kurang berkesan. Ini selaras dengan dapatan kajian di luar negara yang menunjukkan hampir 80

% penyampaian guru baharu di dalam bilik darjah adalah kurang berkesan (Parsad, Lewis & Farris, 2001). Manakala di Malaysia pula, seramai 50% penyampaian guru di bilik darjah adalah pada tahap kategori berkesan (KPM, 2012). Antara punca pengajaran guru dilihat kurang berkesan kerana kurang penguasaan pedagogi dan kurang bersedia apabila berhadapan dengan murid yang terdiri daripada pelbagai etnik, latar belakang serta perbezaan amalan budaya (Parsad, Lewis & Farris, 2001). Justeru mereka juga kurang pengetahuan, kemahiran dan latihan terhadap pemupukan nilai-nilai APAB di bilik darjah (Derman-Sparks & Edwards, 2010; Najeemah, 2010).

Pendekatan guru terhadap KSPK penting khususnya dalam menangani isu kepelbagaian budaya dan etnik. Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM) 2010, melaporkan masih ada murid di kalangan golongan minoriti kurang yakin terhadap pengajaran guru di kawasan luar bandar dan pedalaman. Didapati guru yang bertugas di tempat tersebut, kurang memahami bahasa ibunda setempat, kurang prihatin terhadap adat istiadat dan sambutan perayaan. Situasi ini memberi peluang berlakunya *bias* tingkah laku, *bias* gender, *bias* bahasa, sikap stereotaip dan sikap prejudis (Lin & Bates, 2014). Bagi Derman-Sparks & Ramsey (2005), untuk menangani perkara tersebut perlu pendekatan pengajaran guru yang bersifat anti-bias. Ini kerana, murid berkehendakkan suatu pendekatan pengajaran yang pelbagai dan mudah difahami. Mereka secara fitrah menyukai pendekatan pengajaran yang merapatkan jurang perhubungan iaitu pendekatan main, pendekatan bahasa, pendekatan budaya dan etnik (Mariani et.al, 2012; Morrison, 2006). Mereka berkehendakkan suatu pendekatan komunikasi di antara guru dan murid yang difahami (Najeemah, 2010). Selain itu, berharap pengajaran di bilik darjah memaparkan pembelajaran adat istiadat suku kaum, sambutan perayaan, bahasa ibunda dan amalan nilai murni untuk dihormati (Smith, 2013; Derman-Sparks & Edward, 2010).

Oleh yang demikian, kajian ini penting untuk diterokai sebagai sumber maklumat amalan pendidikan hak asasi dan keadilan melibatkan murid yang terdiri daripada pelbagai etnik serta budaya (Rohaida, 2011; Najeemah, 2010; Kamarul & Ab. Halim, 2007). Secara langsung memberi gambaran kepada murid bahawa pendidikan di prasekolah bukan sekadar belajar berdasarkan KSPK tetapi sebagai penghapusan prejudis, stereotaip, perbezaan jantina dan kepentingan hidup beragama dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka APAB di kalangan guru prasekolah. Objektif kajian secara khusus adalah meneroka pengetahuan guru tentang APAB dalam pengajaran di prasekolah. Selain itu, mengenal pasti pendekatan pengajaran guru prasekolah dalam memupuk APAB.

## REKA BENTUK KAJIAN

Kajian kualitatif secara kajian kes telah dipilih meneroka APAB di prasekolah secara mendalam dan terperinci (Merriam, 2002, 2009; Miles & Huberman, 1994). Dalam pengumpul data, penyelidik menggunakan protokol pemerhatian, protokol temu bual dan analisis kandungan dokumen. Sebanyak enam kali temu bual dan enam kali pemerhatian pengajaran dilakukan ke atas peserta kajian. Penyelidik merakam secara audio dan video sesi temu bual serta pemerhatian. Data dianalisis berdasarkan cadangan Miles dan Huberman (1994).

Selepas pengutipan data, penyelidik melaksanakan kaedah penyaringan data, pembentangan data, triangulasi data dan membentuk kesimpulan kajian. Penyelidik menggunakan tiga kaedah analisis iaitu membuat ringkasan, catatan refleksi dan cacatan memo semasa pengumpulan data kajian. Manakala untuk pengesahan data pemerhatian dan temu bual pengkaji menggunakan kaedah triangulasi, semakan ahli dan peer review untuk mempertingkatkan kesahan dalaman.

Peserta kajian dipilih secara bertujuan atau *purposive sampling* (Noraini, 2013; Fraenkel & Norman, 2009). Peserta kajian dipilih berdasarkan keupayaan, kesanggupan, komitmen dan motivasi mereka untuk memberikan maklumat yang dikehendaki dalam kajian semasa. Kajian ini bukan melihat penglibatan gender tetapi lebih kepada penerapan APAB dalam bilik darjah. Peserta kajian terdiri seramai tiga orang guru prasekolah KPM. Mereka terdiri daripada guru yang berbeza gender, etnik, bahasa dan budaya harian di rumah. Terdiri daripada seorang guru lelaki dan dua orang guru perempuan. Mempunyai pengalaman mengajar di kelas prasekolah di antara 5 hingga 23 tahun.

Lokasi kajian adalah kelas prasekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia di luar bandar. Mempunyai kemudahan asas serta mengaplikasikan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPM, 2010). Pemilihan lokasi ini kerana keunikan masyarakatnya, yang terdiri daripada pelbagai etnik, budaya, bahasa, agama dan sosio ekonomi. Kepelbagaian etnik, budaya, bahasa dan agama ini mempengaruhi kesediaan murid untuk menerima pembelajaran di sekolah.

## DAPATAN KAJIAN

### *Objektif 1: Pengetahuan guru tentang APAB dalam pengajaran di prasekolah*

Dapatan data kajian menunjukkan, ketiga-tiga peserta kajian melaksanakan pengajaran berpandukan tunjang-tunjang pembelajaran yang terdapat dalam KSPK (KPM, 2010). Semua peserta kajian mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang elemen utama yang merupakan sumber penggerak kepada KSPK. Terdapat 9 elemen yang diketahui iaitu Pengetahuan Fokus, Standard Kandungan Dan Standard Pembelajaran; Tunjang Pembelajaran; Modul Asas Dan Modul Bertema; Membina Rancangan Pengajaran; dan; Kesepaduan Pengajaran. Pengetahuan dan kefahaman KSPK menjadi sumber asas yang membantu secara langsung penerapan APAB dalam pengajaran di bilik darjah.

Dalam pengetahuan tentang APAB, tidak semua peserta kajian dapat memberi definisi, konsep dan menyatakan persepsi APAB dalam pengajaran. Data kajian membuktikan, PK1 dan PK3 mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang APAB. Mereka memberi definisi, konsep dan menyatakan persepsi APAB dalam pengajaran. Sementara PK2, tidak sepenuhnya mempunyai pengetahuan APAB yang mencukupi. Namun mereka memberi persepsi yang positif tentang penyerapan APAB dalam pengajaran di bilik darjah. Berikut adalah rumusan dapatan kajian tentang pengetahuan guru tersebut ditunjukkan melalui Jadual 7.1.

Jadual 1

*Rumusan Pengetahuan APAB*

Konstruk	Tema	Sub-Tema	Pengetahuan APAB		
			PK1	PK2	PK3
Pengetahuan APAB	1. Pengetahuan KSPK	- Pengetahuan Fokus, Standard Kandungan Dan Standard Pembelajaran	Y	Y	Y
		- Tunjang Pembelajaran	Y	Y	Y
		- Modul Asas Dan Modul Bertema	Y	Y	Y
		- Membina Rancangan Pengajaran	Y	Y	Y
		- Kesepaduan Pengajaran	Y	Y	Y
		- Penerapan Nilai-Nilai Murni	Y	Y	Y
	2. Pengetahuan APAB	- Definisi APAB	Y	Ts	Y
		- Konsep APAB	Y	Ts	Y
		- Persepsi APAB Dalam Pengajaran	Y	Y	Y

**Kunci:** PK= Peserta Kajian  
 Y = Ya, Memiliki Pengetahuan dan Kefahaman  
 Ts = Tidak sepenuhnya  
 T = Tidak memiliki

### *Objektif 2: Pendekatan pengajaran guru prasekolah dalam pemupukan APAB*

Kajian ini mendapati, ketiga-tiga peserta kajian melaksanakan pendekatan pengajaran yang menjurus kepada pemupukan APAB. Hakikatnya, amalan komuniti menyumbang kepada pembinaan minat serta sumber pengetahuan APAB di kalangan murid. Perkara ini dikembangkan melalui pendekatan amalan didikan ibu bapa, guru, rakan sebaya dan masyarakat. Pendekatan ibu bapa di rumah merupakan asas keberhasilan APAB. Murid dapat mengetahui amalan budaya etnik, perayaan, acara keagamaan dan menghormati perbezaan jantina. Ini diperkukuhkan lagi dengan penglibatan rakan sebaya dan amalan masyarakat setempat. Kesenambungan ini akhirnya berkembang apabila murid menerima pendidikan formal di sekolah.

Manakala amalan rutin guru melalui pendekatan sahsiah, pemilihan pendekatan mengajar dan teknik menyampaikan pengajaran meningkatkan kesedaran APAB di kelas prasekolah. Namun pelaksanaan APAB dalam kelas prasekolah dilaksanakan secara tidak formal, tidak terancang dan merentas kurikulum sedia ada. Rumusan dapatan kajian pendekatan pengajaran APAB peserta kajian dipaparkan melalui Jadual 7.2 berikut.

Jadual 2

*Rumusan Pendekatan Pemupukan APAB Dalam Pengajaran*

Konstruk	Tema	Sub-Tema	Pengetahuan APAB		
			PK1	PK2	PK3
Pendekatan Pengajaran APAB	1. Amalan Komuniti	- Pendekatan Ibu bapa, guru, rakan sebaya dan masyarakat.	Y	Y	Y
	2. Amalan Guru	- Pendekatan Sahsiyah Guru	Y	Y	Y
		- Pemilihan Pendekatan Pengajaran	Y	Y	Y
- Teknik Pengajaran Guru		Y	Y	Y	

**Kunci:** PK= Peserta Kajian  
 Y = Ya, Memiliki Pengetahuan dan Kefahaman  
 Ts = Tidak sepenuhnya  
 T = Tidak memiliki

## PERBINCANGAN

Pengetahuan dan pendekatan guru amat penting dalam pengajaran di kelas prasekolah. Elemen ini mempengaruhi penyampaian pengajaran dan pemupukan amalan pendidikan anti-bias di prasekolah luar bandar. Berikut diperbincangkan hasil dapatan penerokaan kajian:

### *Pengetahuan Guru Tentang APAB Dalam Pengajaran Di Prasekolah*

Pengetahuan tentang KSPK merupakan perkara penting dalam pengajaran pemupukan APAB. Analisis kajian menunjukkan, semua peserta mempunyai pengetahuan pedagogi yang baik tentang KSPK. Pengetahuan ini membolehkan mereka memahami isi kandungan pembelajaran dan menterjemahkan dalam pengajaran di prasekolah. Ini terbukti apabila mereka berjaya menghuraikan 9 elemen penting tentang kurikulum tersebut. Dapatan ini selaras dengan dapatan Kementerian Pendidikan Malaysia (2012), Saedah & Mohammed Sani (2012) dan Parsad, Lewis & Farris (2001) yang menekankan kepentingan pengetahuan pedagogi guru merupakan suatu keperluan dalam meningkatkan pengetahuan murid. Pengetahuan pedagogi yang mantap memberi keyakinan kepada murid pelbagai untuk menyokong dan menerokai pembelajaran dengan lebih berkesan.

Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa, pengetahuan dan kefahaman guru tentang KSPK membantunya menterjemahkan definisi, konsep serta pelaksanaan APAB dengan tepat. APAB didefinisikan guru sebagai amalan yang bertentangan dengan sifat pilih kasih atau berat sebelah. Hasil dapatan kajian ini selaras dengan kajian di barat. Dari aspek konsep, APAB adalah amalan yang tidak memihak kepada individu, taraf kedudukan, bangsa, agama, politik dan lain-lain. Ini selaras dengan definisi kajian luar negara yang menganggap semua individu adalah sama tanpa wujud sebarang perbezaan (Derman-Sparks & Edward, 2010; Lin, Lake, & Rice, 2008).

Selain itu, analisis kajian ini juga menunjukkan di dalam aspek pelaksanaan pengajaran, APAB melatih guru untuk membimbing murid, tidak membezakan murid, melayan murid secara adil dan tidak melakukan kezaliman. Kesannya, murid sentiasa menunjukkan sahsiah yang baik selaras dengan kehendak isi kandungan KSPK. Selain itu, APAB membimbing murid dengan pendekatan proaktif yang bertujuan mengembangkan idea guru untuk menyelesaikan pelbagai masalah pembelajaran murid di dalam kelas. Maka dapatan kajian ini adalah selaras dengan pandangan Derman-Spark & Edward, (2010) dan Derman-Sparks & Ramsey, (2006) menyatakan APAB membentuk sikap dalaman guru yang prihatin, adil, penyayang, sabar dan sebagainya.

### *Pendekatan Pengajaran Guru Prasekolah Dalam Pemupukan APAB*

Hasil kajian menunjukkan, minat murid terhadap APAB disemai melalui pendekatan ibu bapa, rakan sebaya dan masyarakat persekitaran. Penglibatan semua pihak dalam penerapan APAB, memberi lebih banyak impak yang positif terhadap perkembangan pengetahuan murid. Mereka berkongsi amalan etnik, budaya, sosialisasi dan nilai agama. Proses

ini berlaku sebelum mereka menerima pendidikan formal di sekolah. Perkara ini juga melatih murid tentang tidak baiknya amalan bias dan pentingnya amalan toleransi. Dapatan ini selaras dengan kajian Giugni, (2008) dan Derman-Sparks & Ramsey, (2006) menyatakan perkembangan murid tentang etnik, budaya, sosialisasi dan nilai agama dipengaruhi oleh persekitarannya. Perkembangan ini secara tidak langsung membolehkan guru memahami lebih dekat pentingnya pendekatan etnik, budaya, sosialisasi dan nilai agama masyarakat untuk disampaikan kepada murid dalam pengajaran.

Kajian ini mendapati guru menyampaikan pengajaran APAB secara tidak formal, tidak terancang dan merentasi kurikulum. APAB diterapkan dalam amalan nilai murni pada tunjang-tunjang pembelajaran KSPK. Antara nilai murni yang terkandung APAB ialah kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, toleransi, berdikari dan berdisiplin (KPM, 2010). Implikasi penerapan amalan nilai murni meyakinkan murid untuk menerima APAB tanpa sebarang masalah. Melatih murid berfikir, berkongsi amalan budaya dan mengeratkan hubungan pelbagai etnik. Amalan ini dilihat menjurus kepada Pendidikan Hak Asasi Manusia (Najeemah, 2010; Giugni, 2008). Dapatan kajian ini, tidak menyokong dapatan kajian oleh kajian Giugni, (2008) dan Derman-Sparks & Ramsey, (2006) yang memasukkan pengajaran APAB sebagai pembelajaran yang formal dan terancang.

Kajian mendapati bahawa amalan tingkah laku dan sahsiah guru mempengaruhi murid menerima APAB. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, guru sebagai pendidik perlu menunjukkan amalan sahsiah diri yang baik. Ini kerana murid-murid prasekolah gemar membuat pemerhatian tingkah laku guru dan orang yang hampir dengan mereka. Mereka suka membuat peniruan tingkah laku dan perbuatan yang mereka saksikan. Jika guru atau orang yang hampir menunjukkan amalan mulia dalam pergaulan seharian maka murid prasekolah menunjukkan kecenderungan tingkah laku yang positif dan sebaliknya. Dapatan kajian ini juga mengukuhkan kenyataan bahawa pentingnya amalan tingkah laku dan akhlak guru apabila berhadapan dengan murid (Al-Ghazali, 2010; Abdullah Nasih, 2008; Al-Qadrawi, 2003).

Dapatan kajian mendapati pendekatan belajar melalui bermain merupakan pilihan utama dalam melaksanakan pemupukan APAB. Mereka cenderung mendedahkan murid kepada main asosiatif dan main koperatif. Murid dilibatkan dengan aktiviti kelas, berpasangan dan kumpulan. Mereka dilatih dengan amalan berkongsi mainan, bergilir-gilir menjalankan main, berinteraksi menyelesaikan tugas serta menyemaikan sikap tolong menolong. Murid sendiri yang merancang dan menyiapkan tugas sambil dibimbing guru. Pendekatan ini menimbulkan motivasi instrinsik dan mempercepatkan pemahaman murid terhadap kandungan APAB. Mereka mudah menerima nasihat yang akhirnya membentuk sahsiah murid yang sempurna. Implikasinya, pendekatan pengajaran yang bersifat APAB ini mendapat respons yang baik, menggalakkan daripada murid dan membentuk sahsiah murid yang positif. Penerapan APAB, menyemai amalan kesamarataan dan kerjasama di kalangan murid. Mereka lebih ramai kawan, berpengalaman dan dapat menguasai kemahiran di samping mendapat bimbingan daripada guru. Berbanding sebelumnya, murid lebih bersikap mementingkan diri, keegoan dan dilihat kurang berdisiplin. Mereka juga dilihat bersikap positif terhadap kewujudan budaya, etnik dan persekitaran. Dapatan ini selaras dengan kajian Mariani, (2012); Najeemah, (2010) dan Derman-Spark & Edward, (2010) menyatakan pengajaran mudah difahami oleh murid yang pelbagai budaya dan etnik melalui pendekatan bermain.

Kajian menunjukkan pendekatan bertema penting untuk mengajar APAB. Pengajaran bertema mudah difahami, disesuaikan, dirancang dan disampaikan kepada murid. Oleh yang demikian, guru dalam menyampaikan pengajaran bertema berperanan memimpin murid membezakan perkara yang baik dan buruk. Pemilihan tajuk pada pengajaran memudahkan murid melakukan aktiviti selaras dengan peristiwa yang mempunyai kaitan dengan persekitaran. Hal ini merangkumi tema diri, kawan, jiran sekolah, ibu bapa pelajar itu sendiri, pakaian, sukan dan permainan, alat muzik dan perayaan. Di Malaysia, tema perayaan amat sesuai dengan pengajaran APAB. Tema perayaan ini mengandungi sambutan Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai. Manakala sub tema yang sesuai dengan tema perayaan ialah pakaian. Pembelajaran tentangnya, membolehkan murid mengenali etnik melalui jenis pakaian. Sub tema mengenai makanan, murid boleh mengenali makanan-makanan tradisional sewaktu perayaan. Dapatan ini adalah selari dengan kenyataan Jemaah Nazir Sekolah (2005), sebanyak 79.5 peratus guru cenderung menggunakan pendekatan belajar melalui bermain dan 83.6 peratus menggunakan pendekatan bertema. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pendekatan belajar melalui bermain dan aktiviti bertema adalah pendekatan yang kerap diaplikasikan dalam proses pengajaran.



## CADANGAN KAJIAN

Pengetahuan pedagogi guru penting dalam meningkatkan kesediaan murid menerima APAB. Kesediaan murid mewujudkan hubungan perpaduan yang erat di antara etnik, agama dan budaya. Justeru itu, kursus profesionalisme melibatkan perkongsian dan latihan penting untuk diteruskan. Melalui kursus sedemikian, guru dapat berkongsi maklumat dan pengetahuan yang bermakna. Aktiviti sarana ibu bapa perlu di aktifkan bagi tuan mengeratkan jurang hubungan pendidikan di rumah dan di sekolah. Ibu bapa dan guru boleh bekerjasama serta berkongsi maklumat sosio budaya yang diamalkan masyarakat. Selain itu, murid perlu diberi peluang pada masa tertentu memakai pakaian tradisi ke sekolah. Tujuannya untuk mereka mengenali persamaan dan perbezaan etnik dalam sesebuah sekolah. Amalan ini, membentuk diri yang positif untuk menerima rakan-rakan yang tinggal di persekitaran mereka.

## RUMUSAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, pelaksanaan pengajaran APAB memberi implikasi kepada murid dan golongan pendidik. APAB merupakan sumber asas perpaduan di kalangan murid prasekolah. Ini bersesuaian dengan tahap perkembangan dan pemikiran murid yang berusia 5 dan 6 tahun. Pada peringkat ini, mereka berupaya untuk menyerap maklumat yang ada di persekitaran. Mereka juga sudah berupaya berkongsi tentang amalan budaya, hubungan pelbagai etnik dan perbezaan agama. Mereka mudah menyerap pengetahuan, kemahiran dan sahsiah guru. Implikasi kajian ini kepada amalan guru, menyumbangkan pentingnya penerapan amalan jati diri yang berkonsepkan budaya dan amalan murni masyarakat majmuk di Malaysia. Komponen ini penting untuk di kembang dan dipertahankan agar keberhasilan sesuatu program pendidikan memberi kesan yang mendalam kepada objektif yang disasarkan.

## RUJUKAN

- Abdullah Nasih Ulwan (2008). *Tarbiyyatul Awlad Fil-Islam* (Terjemahan: Pendidikan Anak-anak dalam Islam oleh Syed Ahmad Semait. Jilid Satu & Dua). Pustaka Nasional Pte. Ltd. Singapura.
- Al Ghazali (2010) *Bimbingan Mukmin: Pada Mencari Redha Rabbila'lamin*. Terjemahan Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Banks, J.A. (2002). *Teaching strategies for ethnic studies* (7th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Banks, J. & Cherry A. McGee Banks (2010) *Multicultural Education: Issues and Perspectives*, Edition: 8th. Amerika Syarikat: John Wiley and Sons Inc.
- Brock, A., Sylvia, D., Jarvis, P., & Olusoga, Y. (2009). *Perspectives on play: Learning for life*. England: Pearson Education Limited.
- Broadhead, P. (2004). *Early years play and learning: Developing social skills and cooperation*. London: Routledge Falmer.
- Carol L.F. Smith, (2013). *Using Personal Dolls to Learn Empathy, Unlearn Prejudice*. Personal Doll Training, South Africa. *The International Journal of Diversity in Education*, Volume 12, 2013. Common Ground Publishing. University Illinois, USA.
- Derman-Sparks, L., & Ramsey, PG. (2006). *What If All the Kids Are White: Anti-Bias Multicultural Education For Young Children and Families*. N.Y: Teachers College.
- Derman-Sparks, L. & Edwards, J.O (2010). *Anti-bias education for young children and ourselves*. National Association for the Education of Young Children Washington DC.
- Derman-Sparks, L. & Patty Ramsey (2005). "Anti-bias/multicultural education with white children." FROM: Manuscript for: "What if all the children in my class are white? Anti-bias/multicultural education with white children." Young Children, Washington, DC:NAEYC. <https://www.naeyc.org/files/yc/file/200511/DermanSparksBTJ1105.pdf>
- Drake, J. (2001). *Planning children's play and learning in the foundation stage*. London: David Fulton.
- Freire, P.,(2000). *Pedagogy of the oppressed*. New York: Continuum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2010). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Laporan kajian kes pendidikan prasekolah 2005*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan dengan kerjasama UNICEF.
- Laporan Tahunan SUHAKAM (2010). *Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia*.
- Laporan Status Hak Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli (2010). *Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia*.
- Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM (2010). *Jabatan Perdana Menteri, Malaysia*.

- Mariani Md Nor (2005). *Persona Dolls: Lawful or Prohibited?*
- Mariani Md Nor (2009). *Kepentingan bermain dalam pendidikan prasekolah.* <http://www.scribd.com/doc/4007899/Kepentingan-Bermain-Dalam-PendidikanPrasekolah>.
- Mariani Md.Nor, Mohd Sofian Omar-Fauzee (2012). *Trend dan isu dalam mainan dan peluasan kreatif kanak-kanak. Pendidikan Awal Kanak-Kanak.* Pearson Malaysia Sdn.Bhd.
- Merriam, S. B. (2002). *Case study. Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis (178-180).* San Fracisco: Jossey-Bass.
- Merriam S.B (2009) *Qualitative Research. A Guide to Design and Implimentation.* United Stated of America: Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Miles, M.B., & Huberman, M. (1994). *Qualitative data analysis: an expanded sourcebook (2. ed.).* London.
- Miriam Giugni. (2008). *Multiculturalism, anti-bias and social justice in children's services,* Australia.
- Miranda Lin, Vickie E. Lake, & Diana Rice, (2008). *Teaching anti-bias curriculum in teacher education programs: what and how.* NAECH.London.
- Miranda Lin & Alan Bates, (2014). *Who is in my classroom? Teachers preparing to work with culturally diverse students.* Illinois State University, *International Research in Early Childhood Education* Vol. 5, No. 1, 2014, Page 27.
- Morrison, G. S. (2006). *Early childhood education today, 10th ed.* Columbus, OH: Merrill/Prentice Hall.
- Najeemah Mohd Yusof (2005). *Multicultural Education Practice Among Teacher in National Secondary Schools: A Case Study in Kedah.* *Jurnal Pendidik dan Pendidikan.* Universiti Sains Malaysia. 20: (7-11).
- Najeemah Mohd Yusof (2010). *Bahasa Dan Sempadan Etnik Dalam Kalangan Murid Pelbagai Etnik Di Sekolah Menengah Di Malaysia.* Kuching: Koleksi Persidangan.
- Parsad, B., Lewis, L., & Farris, E. (2001). *Teacher Preparation and Profesional Development: Education Statistics Quarterly.*
- Riley, J. (ed.) (2003). *Learning in the early years.* London: Paul Chapman.
- Rohaida Nordin. (2011). *Pendidikan Hak Asasi Manusia: Merangka Kurikulum Dalam Konteks Malaysia.* *Kongres Pengajaran Dan Pembelajaran.* Fakulti Undang-Undang: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim, (2012). *Standard Kompetensi Guru Malaysia.* Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali, (2012) *Persepsi guru terhadap penggunaan kurikulum berasaskan bermain bagi aspek perkembangan bahasa dan literasi murid prasekolah.* *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu: Malay Language Education*, 2 (1). pp. 141-159. ISSN 2180-4842
- Siti Zuraida Binti Maaruf, (2014). *Pembangunan Modul Pedagogi Responsif Budaya Kraf Tradisional Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah.* Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Van Keulen, A. (2004) (Ed.) *Young Children Aren't Biased, Are They?* Amsterdam: Bernard van Leer Foundation.
- Yusuf Al-Qardhawi. (2003). *Sunnah: Sumber ilmu dan peradaban.* Penterjemah. Muhammad Firdaus. *International Islam*

## ANALISIS KEPERLUAN MODUL KURIKULUM PERKHIDMATAN KAUNSELING ATAS TALIAN UNTUK PENDIDIKAN KERJAYA SAINS KESIHATAN

\*Anizah Mohamed

Norlidah Alias

Saedah Siraj

Jabatan Kurikulum & Teknologi Pengajaran

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

\*anizahmohamed79@gmail.com

**Abstract:** The objective of this study is to analyze the need for developing an online counselling service curriculum module for health science career education. Data was collected through survey, administered on 150 health science students from an IPTS in Kuala Lumpur. The data for first section of the survey was analyzed using Statistical Package for the social science (SPSS), and for the second section was manually calculated. The analysis for the first section was calculation of frequency and percentage, and for the second section was based on highest score. Findings for the first phase, first section indicate that students in general have basic knowledge in utilizing technology and have positive perception towards the use of technology in learning. On the other hand, findings for second section of survey, which was gathered using Career Interests Inventory showed that the health science students have diverge career interests. This indicates that the findings of needs analysis support the development of online counseling service curriculum module for health science career education. Therefore, the online counselling service curriculum module for health science career education can be implemented by counsellors and educators to enhance students' knowledge and skills on career development, and at the same time supports the available career education curriculum in Malaysia.

**Keyword:** career education, career counselling, counselling, need analysis

### PENGENALAN

Pembangunan kerjaya merupakan aspek penting yang mempengaruhi perjalanan kerjaya pelajar di masa hadapan. Sementara kaunseling kerjaya pula digambarkan sebagai satu proses yang berlaku dalam persekitaran individu atau kumpulan, yang mana kaunselor dan klien melibatkan diri bersama-sama dengan tujuan membantu klien menangani cabaran dalam dunia kerjaya sepanjang kehidupan mereka seperti pilihan pekerjaan, pelarasan dan peralihan pekerjaan dan persediaan menghadapi persaraan (Young & Domene, 2012). Perkembangan teknologi, perindustrian dan kepelbagaian dalam pasaran kerja menyebabkan proses pemilihan kerjaya menjadi lebih sukar dan rumit. Aspek pemilihan kerjaya dan senario ini memberi bayangan terhadap cabaran baru kepada kaunselor sekolah dan psikologis pendidikan (Starica, 2011; Luzzo, 1993).

Selain aspek kerjaya, kaunselor juga perlu peka terhadap perkembangan dan trend penawaran pendidikan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan kursus yang menjadi pilihan pelajar. Selain kursus-kursus perniagaan dan teknologi, sebahagian besar pendidikan tinggi swasta di Malaysia menawarkan program-program sains kesihatan seperti Sains Perubatan, Kejururawatan, Pembantu Perubatan, Farmasi, Sains Kesihatan Persekitaran dan Fisioterapi. Malah trend masa kini menunjukkan kecenderungan pelajar memilih bidang sains kesihatan berbanding sains sosial kerana berpendapat program tersebut lebih menjamin graduan untuk mendapatkan pekerjaan berbanding bidang lain. Oleh itu, peranan kaunseling kerjaya sangat penting, dalam keadaan ekonomi yang tidak kukuh dan tidak seimbang, berlakunya krisis dan kebanyakan individu lebih memberi perhatian kepada mencari pekerjaan berbanding meningkatkan pengetahuan diri dan membuat pilihan disebabkan desakan dan keperluan untuk mendapatkan pekerjaan (Cojocariua & Puiub, 2014; Henderson & Dalton, 2010).

Sementara itu, integrasi teknologi dalam bidang kaunseling di Malaysia memberikan peluang baru kepada kaunselor kerjaya untuk mempelbagaikan kaedah perkhidmatan dan penyaluran maklumat kerjaya kepada pelajar. Malah peningkatan dalam perkhidmatan web-kaunseling dan siber-kaunseling adalah disebabkan ramai kaunselor bertauliah yang memulakan latihan mereka melalui interaksi atas talian (Zaida & Lily Marzura, 2006; Bloom, 1998; Robson & Robson, 1998; Sanders, 1996; Sampson, Kolodinsky dan Greeno, 1997). Kaunselor masih berpendapat bahawa kaunseling secara atas talian masih tidak dapat menggantikan kaedah kaunseling sedia ada (bersemuka) di Malaysia. Namun, tidak dinafikan ia dapat menjadi pelengkap dan membantu meningkatkan akses kepada perkhidmatan dan bidang kaunseling. Kedua-dua kaedah kaunseling secara bersemuka dan kaunseling atas talian, masing-masing

mempunyai kelebihan dan kekurangan dan sebagai seorang kaunselor, mereka harus melihat kedua-dua medium ini sebagai saling melengkapi (Zainah, Rohany & Fatimah, 2010).

